



## KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**15 NOVEMBER 2015**

---

### **SATELIT BUMI TUARAN MENDORONG PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL MASYARAKAT SETEMPAT**

---

Susulan daripada keputusan Kerajaan melalui MOSTI untuk membina sebuah stesen bumi di Tuaran bagi pengoperasian satelit milik negara, kerajaan memberi jaminan bahawa tiada sebarang isu yang akan dapat menjelaskan tahap pembangunan sama ada dari segi ekonomi dan sosial masyarakat setempat malah ia akan mendorong kepada pembangunan industri hiliran (*downstream*) secara berterusan.

Keputusan Makmal Pengurusan Nilai berkaitan Program Pembangunan Satelit RazakSAT-2 pada tahun 2012 dibuat setelah kerja penilaian dan analisa lokasi dijalankan dan mendapati bahawa pemilihan lokasi di Daerah Tuaran, Sabah adalah bersesuaian di atas beberapa faktor bagi menyokong pembangunan stesen bumi tersebut. Stesen bumi tersebut berfungsi sebagai pusat kawalan dan perhubungan sistem satelit yang mengorbit bumi di ruang angkasa.

Melihat kepada stesen bumi sedia ada yang telah dibangunkan di Banting, Selangor di bawah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), lokasi persekitarannya telah menjadi lebih kompetitif dan tidak memberikan sebarang impak negatif kepada masyarakat setempat malah ianya telah memberikan lebih banyak faedah kepada pembangunan dari segi sosial dan ekonomi.

Bagi menangani persepsi negatif di kalangan masyarakat umum, pihak MOSTI telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam memberikan

pendedahan secara menyeluruh kepada masyarakat umum melalui beberapa siri pameran, ceramah, *outreach* dan lain-lain termasuk penggunaan media sosial untuk meningkatkan tahap kesedaran khususnya dalam bidang sains dan teknologi angkasa.

Oleh itu, pihak MOSTI berharap agar masyarakat umum tidak berasa gusar dan bimbang berkenaan dengan cadangan pembangunan stesen bumi ini.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**



**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**  
Telefon: 03-8885 8141, Faks: 03-8890 3092  
Emel: [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)